

21/11/1997

Belia veteran bidas tindakan 34 ahli Kongres

ALOR STAR, Khamis - Persatuan Belia Veteran Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Kedah membidas tindakan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) yang mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan.

Persatuan itu menyifatkan tindakan berkenaan sebagai perbuatan iri hati terhadap kepimpinan Dr Mahathir yang berjaya memaju dan mengharmonikan rakyat berbilang kaum negara ini.

Serentak itu, Pengerusinya, Shuib Endut, meminta rakyat bersatu menentang unsur luar yang sengaja menimbulkan masalah di negara dan rantau ini.

"Rakyat perlu menentang dan memastikan kedudukan Perdana Menteri terus kukuh.

"Sokongan padu rakyat dapat menghalang sebarang tindakan dan ancaman kuasa luar yang memang irihati terhadap kejayaan negara menerajui pembangunan untuk faedah rakyat," katanya kepada Berita Harian selepas majlis Jamuan Makan Malam Jawatankuasa Veteran MAYC negeri dengan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, di Mentalon di sini.

Lebih 1,000 ahli dan pemimpin belia veteran seluruh negeri ini hadir di majlis itu.

Persatuan Belia Veteran MAYC adalah yang pertama diwujudkan di negara ini bertujuan menghimpunkan bekas ahli belia MAYC yang telah bersara supaya aktif semula membantu golongan muda melaksanakan projek pembangunan belia.

Shuib juga berkata, kuasa luar, termasuk AS sepatutnya membantu negara kecil dalam meningkatkan ekonomi.

"Tetapi tindak-tanduk mereka bukan sahaja meruntuhkan ekonomi negara lain, malah menimbulkan suasana tidak aman dan merenggangkan lagi hubungan baik antara rakyat negara ini dengan mereka," katanya.

(END)